

4m (Hello kampus) 30/04/14 (RABU) M/S 26



SALAH satu persembahan semasa program Universiti Malaysia Pahang Berselawat dalam Maulid@IKIMfm yang berlangsung di Dewan Astaka UMP, Kuantan, baru-baru ini

Warga UMP semarakkan budaya berselawat memuji Rasulullah SAW

KUANTAN 29 April - Kira-kira 1,000 warga Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeriahkan program UMP Berselawat dalam Maulid@IKIMfm yang berlangsung di Dewan Astaka universiti berkenaan di kampus Gambang di sini baru-baru ini.

Program itu merupakan anjuran Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 2 (PEKA 2) dengan kerjasama Majlis Pengetua Kolej Kediaman dan Kumpulan Qasidah UMP serta mendapat sokongan Radio IKIMfm.

Pengarah program, Muhammad Syarif Mohd. Sukri berkata, program itu menyajikan program hiburan alternatif kepada penuntut UMP dan pendengar IKIMfm.

"Ini memandangkan rancangan berkonsepkan persembahan

hiburan Islam itu disiarkan secara langsung di radio berkenaan (IKIMfm) dan juga secara *live-streaming* di internet tvIKIM.

"Program ini dianjurkan bagi mewujudkan budaya mencintai rasul dalam kalangan masyarakat dan kepentingan menghayati sirah serta kelebihan mengamalkan sunnah Nabi Muhammad SAW yang dituntut kepada umat Islam," katanya di sini.

Yang turut hadir, Pengarah Pusat Islam dan Pembangunan Insan (Pimpin), Dr. Mahyuddin Ismail dan Pengarah Pusat Media IKIM, Dr. Nik Roskiman Abdul Samad.

Turut hadir menjayakan program, Kumpulan Far East dan Kumpulan Qasidah Shoutul Asywaq yang mempersembahkan

hiburan dalam menyemarakkan lagi program berkenaan.

Sementara itu, Penerbit Rancangan Kanan IKIMfm, Fairuz Noordin berkata, pihaknya berbangga dengan komitmen pihak UMP dalam bekerjasama menjayakan program terbitan siaran radio berkenaan.

Penuntut dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA), **Nor Faezahtul Nor Azaini** berkata, program itu memberi peluang kepada generasi muda menimba ilmu sambil beramal dan mendengar alunan selawat memuji Rasulullah.

Beliau sehubungan itu berharap lebih banyak program seperti itu dapat dianjurkan pada masa akan datang.